

MERBAH MATA PUTIH
Cream-vented Bulbul

FAMILI: Pycnonotidae
NAMA SAINTIFIK: *Pycnonotus simplex*



CIRI-CIRI

Spesies ini mempunyai bahagian mata yang berwarna putih terang. Bahagian atas badan berwarna coklat muda manakala bahagian bawah badan berwarna krim keputihan. Bagi burung juvenil, warna di bahagian mata adalah dari coklat gelap ke coklat, bahagian atas badan dan sayap berwarna coklat gelap.

SAIZ

Panjang keseluruhan bagi burung dewasa adalah 18.0 sm.

MAKANAN

Buah-buahan, serangga, nektar dan pucuk bunga.

HABITAT

Hutan dipterokap, pinggir-pinggir hutan dan hutan sekunder. Spesies ini boleh dijumpai sehingga ketinggian 1,220 m dari aras laut.

BUNYI

Burung ini mengeluarkan bunyi *whi-whi-whi-whi-whi* dan diikuti dengan bunyi *pru-pru, prr* dan *prr-pru* yang bernada rendah.

PEMBIAKAN

Musim pembiakan adalah daripada bulan Januari hingga bulan Mei pada sepanjang tahun. Sarang adalah berbentuk cawan dan dibina dalam kawasan semak. Burung betina boleh menghasilkan 2 biji telur dan telur adalah berwarna putih dengan terdapat bintik-bintik kemerahan dan kelabu. Anggaran saiz telur adalah 18 x 14 mm.

STATUS

Akta 76/72, dilindungi.